



**1. KETUA PEGAWAI SEKURITI PENERBANGAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang Penerbangan atau salah satu daripada bidang-bidang utama Penerbangan Awam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi dan berkebolehan dan mempunyai pengalaman tentang pengurusan dan penyeliaan Satu Pasukan Anggota Keselamatan adalah kelebihan

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pegawai Sekuriti Penerbangan Kanan dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal Keselamatan dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei dalam jawatan Mejari atau Penguasa Polis serta mempunyai pengalaman dalam Sekuriti Antarabangsa tidak kurang dari 3 tahun.



2. Mempunyai pengalaman dalam latihan teknikal samada dalam Sekuriti Penerbangan, Perkhidmatan Lalulintas Udara, Perkhidmatan Keselamatan dan Kecemasan atau Perkhidmatan Mencari dan Menyelamat.
3. Mestilah mempunyai kefahaman mendalam disegi aktiviti-aktiviti harian penerbangan awam, khususnya *Annex 17 'SECURITY' to the Convention on International Civil Aviation*.
4. Telah berjaya dalam kursus Pengurusan Sekuriti Penerbangan dari Institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
5. Mahir dalam Perundangan Brunei Darussalam dan Perundangan dan Peraturan Sekuriti Antarabangsa dalam melindungi Penerbangan Awam daripada gejala penjenayah.
6. Telah menunjukkan kebolehan yang terbukti berjaya dalam menyediakan Pelan-Pelan Sekuriti, Kecemasan atau Pelan-Pelan Tindakan dan Prosedur yang berkaitan untuk kegunaan operasi berbilang agensi. Pengalaman dalam membentuk Program Sekuriti Penerbangan Awam Kebangsaan serta program-program yang berkaitan dengannya adalah kelebihan.
7. Mempunyai pengetahuan dalam bidang-bidang keperluan operasi dan teknikal untuk pengguna dan pengendali alat-alat dan mesin yang digunakan dalam Sekuriti Penerbangan Awam.
8. Mahir bertutur dalam Bahasa Inggeris dan menggunakan Komputer.



9. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat, hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua(2) kertas kerja yang asli (original) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua (2) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
- i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam
 - ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri
 - iii) Kertas Penggubalan/Penelitian Dasar
 - iv) Laporan Tahunan Jabatan
 - v) Penyediaan Peruntukan Jabatan
 - vi) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing

Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

10. Calon-calon yang terdiri daripada anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan, dan mengemukakan nama 2 orang Referees yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATAN KETUA PEGAWAI SEKURITI PENERBANGAN:

- 1. Bertanggungjawab untuk mencapai matlamat Bahagian Sekuriti Penerbangan Awam (CAS) secara efektif dan efisien sepetimana yang terkandung dalam Seksyen 2 Kertas Putih.
- 2. Mengetuai Bahagian-Bahagian Sekuriti Penerbangan Awam dan melapor terus kepada Pengarah Penerbangan Awam dalam segala hal ehwal keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam.